

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 4.11.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi aktiviti terjemahan buku-buku Bahasa Inggeris atau bahasa asing ke dalam Bahasa Melayu; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai insentif kepada pihak swasta atau komuniti penterjemahan bebas untuk menterjemah buku ke Bahasa Melayu agar bahan bacaan negara dapat diperluaskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Tiada peruntukan khusus yang disalurkan untuk aktiviti terjemahan buku bahasa Inggeris atau bahasa asing ke bahasa Melayu. Bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membeli buku-buku terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) untuk diedarkan ke sekolah.

- a. Pada masa ini belum ada insentif khas yang disediakan oleh pihak KPM kepada pihak swasta atau komuniti penterjemah bebas untuk menterjemah buku ke bahasa Melayu.

RJM33